

02 JANUARI 2018

Dua suspek ditahan disyaki edar 400 pil eramin 5

Dua suspek ditahan disyaki edar 400 pil eramin 5

KUALA LUMPUR – Sambutan tahun baharu bagi dua penganggur berakhir dengan mimpi ngeri selepas mereka terpaksa bermalam di dalam lokap akibat terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah di sekitar kawasan Cheras di sini.

Kegiatan dua lelaki berusia 19 dan 20 tahun itu terbongkar selepas mereka ditahan sepasukan polis pada pukul 12.35 tengah malam dalam satu serbuan di Batu 2, Jalan Cheras di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, bertindak atas maklumat sepasukan polis kemudian menahan dua lelaki berkenaan sebelum menemui 400



ABDUL GHANI

biji pil eramin 5 milik salah seorang daripada mereka.

“Kesemua pil eramin 5 itu dibungkus dalam surat khabar dan diletakkan dalam satu beg plastik berwarna merah bagi mengaburi mata pihak polis.

“Hasil siasatan mendapati mereka mendapat bekalan daripada seorang lelaki di kawasan Flat Sri Sabah dengan harga RM600 bagi 100 biji pil eramin 5,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, hasil siasatan lanjut mendapati kedua-dua suspek mempunyai rekod lampau berkaitan dadah dan tidak mempunyai pekerjaan.

“Kita sedang menjalankan siasatan kawasan pengedaran dadah yang dilakukan



SEBANYAK 400 pil eramin 5 dirampas oleh polis daripada seorang suspek di Batu 2, Jalan Cheras, Kuala Lumpur semalam.

mereka termasuk tempoh kedua-dua suspek aktif menjalankan kegiatan haram tersebut.

“Kedua-dua suspek kini

ditahan reman selama tujuh hari bermula hari ini (semalam) sehingga Ahad depan bagi membantu siasatan,” ujarnya.